



# KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH



Kementerian Kemajuan  
Luar Bandar dan Wilayah

## KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tender ini terbuka kepada kontraktor-kontraktor **TEMPATAN Bumiputera** yang layak dan berdaftar dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:

Bil.	Butir-Butir Tender	Syarat Penyertaan Tender	Butir-Butir Lawatan & Taklimat Tapak	Tarikh & Waktu Dokumen Dijual	Tempat Dokumen Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tawaran Ditutup
1.	<p><b>No. Tender :</b> <b>KKLWT.29/2014</b></p> <p><b>PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SISTEM RETIKULASI NEGERI SARAWAK TAHUN 2014 ZON 4A.</b></p>	<p>Berdaftar dengan: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)</p> <p><b>i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)</b> - Gred G4 - Pengkhususan CE20 (Sistem Bekalan Air)</p> <p>DAN</p> <p><b>ii) SPKK</b> - Gred G4 - Kategori CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)</p> <p>ATAU</p> <p><b>UPKJ</b> - Kelas C/BX - Kepala I - Sub-kepala 4a, 4b, 4c</p> <p>DAN</p> <p><b>iii) PKK / UPKJ</b> - Sijil Taraf Bumiputera</p>	<p><b>Taklimat Tapak :</b> <b>8 Disember 2014</b> <b>4.00 petang</b></p> <p><b>Tempat taklimat :</b> <b>Dewan Auditorium,</b> <b>Tingkat 19,</b> <b>Ibu Pejabat</b> <b>JKR Sarawak,</b> <b>Wisma SABERKAS,</b> <b>Jalan Tun Hj Abang</b> <b>Openg, 93626</b> <b>Kuching, Sarawak.</b></p> <p><b>(Kehadiran ke Taklimat Tender adalah diwajibkan)</b></p>	<p><b>Tarikh Dijual :</b> <b>9 Disember 2014</b> <b>hingga</b> <b>23 Disember</b> <b>2014</b></p> <p><b>Waktu:</b> 8.30 pagi - 12.30 tengah hari 2.30 petang - 4.00 petang (Isnin - Khamis)</p> <p>8.30 pagi - 11.00 pagi 2.30 petang - 4.00 petang (Jumaat)</p>	<p>Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek, Cawangan Negeri Sarawak, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Tingkat Bawah, Wisma Hong, No. 202, Batu 2 3/4, Jalan Rock, 93200 Kuching, Sarawak.</p> <p><b>Harga Dokumen :</b> <b>RM 260.00</b></p>	<p><b>Tarikh Tutup :</b> <b>30 Disember 2014</b> <b>(Selasa)</b></p> <p><b>Waktu :</b> 12.00 tengah hari</p> <p><b>Tempat :</b> Bahagian Perolehan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.</p>

- Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai tender ini hendaklah berdaftar dengan syarat yang tersebut di atas dan naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Pembangunan dan Pemantauan Projek, Cawangan Negeri Sarawak, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Tingkat Bawah, Wisma Hong, No. 202, Batu 2 3/4, Jalan Rock, 93200 Kuching, Sarawak** atau di Bahagian Perolehan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Aras 15, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 PUTRAJAYA pada waktu pejabat bermula 5 Disember hingga 30 Disember 2014.
- Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang ditauliahkan atau yang membawa surat wakil kuasa dari pegawai yang ditauliah seperti dalam Sijil Pendaftaran ASAL Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Perakuan CIDB yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ATAU UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) berserta salinan-salinannya. (Salinan Sijil Dan Dokumen-Dokumen Sokongan Yang disertakan Tidak Akan Dikembalikan).
- Petender yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki mengeluarkan **Kiriman Wang (Money Order) / Bank Draf** berharga seperti di atas yang dibuat atas nama **KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** sebagai bayaran Dokumen Tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.
- Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pembinaan adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang hadir sahaja akan dibenarkan membeli dokumen tender. Petender perlu membawa **sijil pendaftaran asal SPKK, CIDB, ATAU UPKJ dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** untuk semakan dan bagi yang menghantar wakil ke taklimat dan lawatan tapak tersebut, Surat Perwakilan Kuasa hendaklah dikemukakan kepada wakil Kementerian serta setiap wakil berkenaan hanya boleh mewakili satu syarikat sahaja.
- Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas tempoh tersebut di atas.
- Dokumen Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan **Kementerian tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui Pos atau Kurier.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di alamat-

**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**  
**ARAS 15, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62100 PUTRAJAYA**  
**(U.P. : BAHAGIAN PEROLEHAN)**